



PEKELILING AKADEMIK BILANGAN 14/2020

PENANGGUHAN SEMULA KEMASUKAN SEMUA PELAJAR SECARA BERSEMUKA BAGI SEMESTER SEPTEMBER 2020/2021 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada warga UMK berkenaan dengan penangguhan semula kemasukan semua pelajar (Prasiswazah & Pascasiswazah) secara bersemuka bagi Semester September 2020/2021 UMK. Penangguhan kemasukan ini adalah susulan pemakluman rasmi oleh Kerajaan mengenai Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di seluruh Semenanjung Malaysia kecuali Perlis, Pahang dan Kelantan mulai 9 November 2020 hingga 6 Disember 2020 dan tertakluk kepada maklumat lanjut dari semasa ke semasa.
3. Arahan penangguhan kemasukan pelajar ini turut berkuatkuasa kepada Empat (4) kategori pelajar yang dibenarkan membuat permohonan memasuki kampus melalui notis Bahagian Pentadbiran Akademik bertarikh 21 Oktober 2020 kecuali para pelajar yang berada di Kelantan atau berdekatan dengan kampus.
4. Sehubungan dengan itu, proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) hendaklah dilaksanakan secara dalam talian sehingga dimaklumkan kemudian. Bagi para pelajar yang telah berada di UMK dan sedang mengikuti aktiviti akademik, mereka boleh kekal berada di kampus masing-masing serta mematuhi arahan PKPB yang berkuatkuasa.

5. Warga UMK dikehendaki untuk mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh pihak Universiti dan Kerajaan serta sentiasa mengamalkan norma baharu.


6. Segala perhatian dan kerjasama yang diberikan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, harap maklum.

“RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUFAKAT, NEGERI BERKAT”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



PROF. DR. MOHD RAFI BIN YAACOB

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

9 NOVEMBER 2020

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor – Timbalan Naib Canselor
 - Pendaftar
 - Semua Dekan/ Pengarah Pusat Pengajian
 - Timbalan Pendaftar Bahagian Pentadbiran Akademik